



**Anda hanya boleh menggunakan borang ini jika anda tidak mempunyai akses kepada internet di rumah atau di tempat kerja.**

mana-mana baki bayaran langganan yang tidak akan dilindungi oleh pendahuluan gaji akan dibayar pendahuluan selewat-lewatnya pada 21 Julai 2026, jika gagal, pekerja tersebut akan dianggap telah ingkar pembayaran mereka dan L'Oréal dan/atau Subsidiari L'Oréal Malaysia boleh melaksanakan sebarang langkah yang sesuai (tertakluk kepada mana-mana perundangan yang berkenaan) untuk mendapatkan semula tuntutan mereka. Oleh itu, pekerja mesti memastikan bahawa jumlah langganan yang akan dibayar melalui pendahuluan gaji yang disediakan adalah terhad kepada jumlah gaji pekerja tersebut untuk Mei 2026.

Sebagai ilustrasi:

- Gaji Pekerja X pada Mei 2026 ialah RM5,000 dan Pekerja X ingin melanggan jumlah langganan RM10,000.
- Hanya RM5,000 boleh diberikan kepada Pekerja X melalui pendahuluan gaji untuk bayaran langganan mereka (dan dibayar balik oleh Pekerja X melalui potongan gaji), dan Pekerja X mesti membuat bayaran langganan pendahuluan untuk baki RM5,000 selewat-lewatnya pada 21 Julai 2026.

Saya mengesahkan bahawa langganan saya tidak melebihi 20 saham (20 \* harga langganan) atau 25% daripada anggaran saraan tahunan kasar (tetap dan boleh ubah) saya untuk 2026.

Saya mengambil maklum bahawa harga langganan telah ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif L'Oréal S.A. ("L'Oréal") pada 5 Jun 2026 dan telah dipaparkan di premis syarikat saya dan melalui paparan di laman web <https://invest.loreal.com> yang dikhaskan untuk Tawaran tersebut.

Ini adalah satu-satunya langganan saya dan akan menjadi muktamad dan tidak boleh ditarik balik pada akhir tempoh langganan.

Saya bersetuju untuk diikat oleh representasi dan akujanji yang dinyatakan di belakang borang langganan ini.

Tarikh: ..... 2026

Tandatangan (didahului oleh pengesahan: "Dibaca dan diluluskan")

**Anda hanya boleh menggunakan borang ini jika anda tidak mempunyai akses kepada internet di rumah atau di tempat kerja.**

## REPRESENTASI DAN AKUJANJI

Saya mewakili bahawa saya memahami Risalah Maklumat berkenaan dengan Tawaran Saham Pekerja 2026 Kumpulan L'Oréal ("**Tawaran**"), setelah membaca Dokumen Maklumat Utama berkaitan dengan "L'Oréal Employee Share Plan Relais 2026" FCPE dan dengan ini bersetuju untuk melanggan saham L'Oréal melalui FCPE yang dinyatakan di atas mengikut syarat-syarat di bawah:

- Saya mewakili bahawa saya mempunyai kontrak pekerjaan dengan, atau saya adalah pegawai korporat, L'Oréal atau subsidiarinya yang merupakan ahli L'Oréal International Employee Shareholding Plan ("**IESP**") dan saya memuaskan syarat kepengkatan seperti yang tertera untuk layak untuk Tawaran ini.
- Saya mengakui bahawa saya memahami semua maklumat berkenaan Tawaran tersebut yang boleh didapati di laman web yang dikhaskan untuk Tawaran tersebut di <https://invest.loreal.com> atau di dokumentasi yang dicetak atas permintaan.
- Saya telah dimaklumkan bahawa jumlah langganan saya (tidak termasuk saham sepadan percuma) dalam konteks Tawaran ini tidak boleh melebihi 25% anggaran saraan tahunan kasar saya (tetap dan berubah) untuk tahun 2026, sehingga had bersamaan dengan 20 saham.
- Saya mengakui bahawa saya telah dimaklumkan, setelah membaca dokumen yang tersedia kepada saya, bahawa:
  - langganan saya akan melayakkan saya untuk sumbangan sepadan, dalam bentuk saham-saham percuma yang akan diserahkan kepada saya pada akhir Tempoh Penguncian, mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di dalam Risalah Maklumat dan Risalah Tambahan Tempatan;
  - jumlah langganan saya boleh dikurangkan jika permintaan langganan keseluruhan melebihi bilangan saham yang tersedia untuk penawaran mengikut syarat yang tertera di dalam Risalah Maklumat;
  - peraturan-peraturan IESP, FCPE "L'Oréal Employee Share Plan" dan FCPE "L'Oréal Employee Share Plan Relais 2026" boleh didapati di laman web yang dikhaskan untuk Tawaran tersebut di <https://invest.loreal.com> dan dari Jabatan Sumber Manusia tempatan saya;
  - borang langganan ini akan dibuat / dikembalikan kepada Jabatan Sumber Manusia tempatan saya pada bila-bila masa sepanjang tempoh langganan (iaitu di antara 10 Jun 2026 dan 24 Jun 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut) dan akan dianggap diterima oleh L'Oréal pada hari terakhir tempoh langganan (iaitu 24 Jun 2026), tidak kira tarikh sebenar borang langganan ini diserahkan kepada Jabatan Sumber Manusia tempatan saya;
  - bayaran untuk langganan saya akan dianggap diterima oleh L'Oréal pada hari terakhir tempoh langganan (iaitu 24 Jun 2026), tidak kira tarikh sebenar pembayaran langganan saya diterima oleh Jabatan Sumber Manusia tempatan saya; dan
  - harga langganan telah ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif L'Oréal pada 5 Jun 2026 dan telah dipaparkan di premis syarikat saya dan melalui paparan di laman web <https://invest.loreal.com> yang dikhaskan untuk Tawaran tersebut pada 5 Jun 2026.
- Saya memahami bahawa FCPE "L'Oréal Employee Share Plan Relais 2026" akan digabungkan dengan FCPE "L'Oréal Employee Share Plan" berikutan satu keputusan daripada Lembaga Penyeliaan dan kelulusan Pengawalselia Pasaran Kewangan Perancis. Sebagai balasan untuk langganan saya untuk saham L'Oréal dan sumbangan saham sepadan, saya akan menerima unit-unit FCPE "L'Oréal Employee Share Plan".
- Saya mengakui bahawa saya telah dimaklumkan bahawa **pelaburan saya akan disekat sepanjang Tempoh Penguncian**, iaitu sehingga 30 Julai 2031 (termasuk hari tersebut), kecuali jika berlakunya salah satu peristiwa-peristiwa pelepasan awal yang tertera di dalam Risalah Maklumat Tempatan.
- Saya memahami bahawa jika kedua-dua kaedah langganan dalam talian dan melalui borang langganan kertas digunakan, hanya langganan dalam talian akan diproses.
- Saya mengisytiharkan bahawa saya telah menyimpan satu salinan borang langganan ini.

Mengambil kira penumpuan risiko portfolio FCPE "L'Oréal Employee Share Plan" dalam pelaburan sekuriti satu syarikat sahaja iaitu L'Oréal, adalah disyorkan bahawa pelanggan menilai sama ada mereka perlu mempelbagaikan pelaburan dalam portfolio simpanan kewangan mereka. Nilai aset FCPE akan dikaitkan dengan harga tersenarai saham L'Oréal, yang akan bergantung kepada situasi kewangan dan prestasi L'Oréal pada masa hadapan dan secara umumnya pada trend pasaran kewangan.

**Anda hanya boleh menggunakan borang ini jika anda tidak mempunyai akses kepada internet di rumah atau di tempat kerja.**

### **Pembayaran melalui potongan gaji:**

Jika saya telah memilih kaedah pembayaran potongan gaji atau gabungan kedua-dua kaedah pembayaran untuk membayar langganan saya, saya faham bahawa pendahuluan gaji yang akan diberikan oleh majikan saya akan dihadkan kepada gaji saya untuk Mei 2026 (gaji seperti yang ditakrifkan di bawah EA). Saya mengesahkan bahawa jumlah langganan saya yang akan dibayar melalui pendahuluan gaji yang disediakan tidak melebihi amaun gaji saya untuk Mei 2026. Saya dengan sewajarnya memberi kuasa kepada majikan saya untuk memotong daripada gaji saya 10 ansuran bulanan bersamaan dengan jumlah amaun yang ditunjukkan dalam kotak C.

Sekiranya kontrak pekerjaan saya ditamatkan untuk sebarang sebab sebelum keseluruhan pendahuluan gaji yang diberikan oleh majikan saya (seperti yang tertera di kotak C di atas pada muka sebalik ini) dibayar semula, saya dengan nyata dan secara muktamad (dan tidak boleh ditarik balik) memberi kuasa kepada majikan saya: (a) tertakluk kepada semua undang-undang yang berkenaan, untuk menolak jumlah yang belum dibayar dari gaji saya atau mana-mana jumlah yang masih terhutang kepada saya; (b) mengarahkan pemegang akaun FCPE "L'Oréal Employee Share Plan" untuk menebus, tanpa notis terlebih dahulu atau peringatan untuk membuat pembayaran, unit-unit FCPE saya, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan dan untuk memperuntukkan suatu bahagian daripada hasil penebusan unit-unit FCPE tersebut untuk membayar jumlah yang dihutang kepada majikan saya berserta dengan perbelanjaan pentadbiran yang munasabah; dan / atau (c) mengambil apa-apa tindakan / langkah yang difikirkan sesuai untuk menuntut jumlah yang belum dibayar.

Sekiranya saya memohon untuk menebus semua atau mana-mana unit saya di dalam FCPE selepas berlakunya peristiwa pelepasan awal dan sebelum saya membayar sepenuhnya jumlah pendahuluan gaji yang diberikan oleh majikan saya, saya dengan nyata memberi kuasa kepada penjaga FCPE untuk membayar balik kesemua baki daripada pembayaran berperingkat yang terhutang kepada L'Oréal atau majikan saya, daripada hasil penebusan unit-unit saya.

### **Keingkararan pembayaran melalui pindahan bank**

Sekiranya saya gagal membuat pembayaran yang perlu dibuat melalui pindahan bank, langganan saya boleh dibatalkan untuk jumlah yang tidak dibayar.

Borang langganan ini merupakan arahan muktamad (dan tidak boleh ditarik balik) kepada majikan saya atau pemegang akaun FCPE "L'Oréal Employee Share Plan" untuk menebus, tanpa notis terlebih dahulu atau peringatan untuk membuat pembayaran, unit-unit FCPE saya, tertakluk kepada undang-undang berkenaan, dan memperuntukkan suatu bahagian daripada hasil penebusan unit-unit FCPE tersebut untuk membayar jumlah yang dihutang kepada majikan saya menurut langganan saya.

Sekiranya hasil jualan tidak mencukupi untuk menampung jumlah yang dinyatakan di atas, saya akan tetap berhutang dengan majikan saya untuk jumlah yang sepadan.

Jika langganan saya tidak dibatalkan, saya akan tetap berhutang dengan majikan saya untuk jumlah langganan saya. Saya mengakui bahawa majikan saya kemudiannya boleh mengambil semua langkah yang sesuai untuk mendapatkan semula hutangnya, termasuk, jika perlu, memotong jumlah yang perlu dibayar daripada gaji saya atau baki akaun akhir saya tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang berkenaan.

Tambahan pula, majikan saya berhak untuk mengambil tindakan sah terhadap saya untuk mendapatkan semula sebarang jumlah yang belum dibayar.

### **Notis "Individu U.S"**

Saya memahami bahawa Tawaran ini tidak terbuka kepada "Individu-individu U.S" dan saya mengesahkan bahawa saya bukan pemastautin di Amerika Syarikat. Saya mengambil maklum bahawa maklumat tentang sekatan ini boleh didapati di dalam peraturan FCPEs dan di laman web syarikat pengurusan: [www.amundi.fr](http://www.amundi.fr).

### **Peraturan khusus untuk Rusia dan Belarus**

Akibat sekatan yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah, warganegara atau penduduk Rusia atau Belarus yang tidak mempunyai kediaman sah atau kewarganegaraan di Kesatuan Eropah, di negara ahli Kawasan Ekonomi Eropah atau di Switzerland tidak boleh mengambil bahagian dalam tawaran ini.

Oleh itu, saya mengisytiharkan:

- Saya bukan warganegara Rusia atau pemastautin Rusia, atau jika saya adalah warganegara Rusia atau pemastautin Rusia, saya juga adalah warganegara Negara Anggota Kesatuan Eropah, ahli negara Kawasan Ekonomi Eropah atau Switzerland atau saya mempunyai permit kediaman sementara atau tetap di salah satu negara-negara ini; dan

**Anda hanya boleh menggunakan borang ini jika anda tidak mempunyai akses kepada internet di rumah atau di tempat kerja.**

- Saya bukan warganegara Belarus atau pemastautin Belarus, atau jika saya adalah warganegara Belarus atau pemastautin Belarus, saya juga adalah warganegara Negara Anggota Kesatuan Eropah atau saya mempunyai permit kediaman sementara atau tetap di salah satu Negara-Negara Anggota ini.

#### **Data peribadi - Perundangan perlindungan data**

Borang langganan ini adalah tertakluk kepada "French modified Law n°78-17" bertarikh 6 Januari 1978 untuk pemprosesan data, fail data dan kebebasan individu dan Peraturan EU untuk Perlindungan Data (2016/679) oleh Parlimen Eropah dan oleh majlis bertarikh 27 April 2016 untuk perlindungan individu berkenaan pemprosesan data peribadi serta pemindahan data tersebut.

Saya memahami bahawa maklumat yang terkandung di dalam borang langganan ini akan digunakan untuk pemprosesan data elektronik oleh

- L'Oréal selaku pengawal data yang akan bertanggungjawab untuk peningkatan modal yang dikhaskan untuk pemprosesan pekerja L'Oréal, berkenaan Tawaran 2026;

- Amundi ESR, selaku pengawal data adalah bertanggungjawab untuk mengumpul, pemusatan dan pemprosesan langganan, serta simpan kira dan pengurusan akaun langganan bagi FCPE "L'Oréal Employee Share Plan Relais 2026", dan mana-mana entiti yang dengan jelasnya diberi kuasa untuk menerima dan memegang maklumat tersebut oleh salah satu daripada entiti-entiti tersebut di atas untuk menerima dan memegang dan memproses maklumat tersebut (termasuk agensi komunikasi Butterfly – 14 boulevard du Général Leclerc 92200 Neuilly-sur-Seine, France) untuk menerima, memproses dan menyimpan data tersebut untuk Tawaran 2026.

Dasar undang-undang untuk pemprosesan ini adalah pelaksanaan kontrak pelaburan (iaitu permohonan perlangganan ini).

Selain daripada itu, mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (PDPA), saya dengan jelas bersetuju kepada pemprosesan data peribadi saya dan penghantaran data tersebut ke Perancis kepada pihak yang tersebut di atas. Saya mengakui bahawa maklumat yang saya beri melalui borang ini akan dipindah ke Amundi ESR dan disimpan di Perancis. Semua data peribadi yang diminta di dalam borang ini adalah wajib dan diperlukan untuk penyertaan dalam Tawaran 2026. Sekiranya saya tidak memberi semua data yang diperlukan, permohonan saya tidak akan diambil kira. Data ini akan digunakan untuk memproses permohonan langganan saya dan pengurusan pelaburan saya sehingga penebusan unit FCPE saya.

Data peribadi saya akan disimpan untuk tujuan pemprosesan data yang dinyatakan di atas sepanjang masa yang diperlukan untuk pelaksanaan Tawaran 2026 dan untuk pengurusan oleh L'Oréal IESP, sekurang-kurangnya sehingga penebusan semua unit FCPE saya, dan seterusnya untuk tujuan pengarkiban sehingga tempoh untuk pertikaian bertamat, melainkan saya melaksanakan hak penarik balikan.

Saya mengakui bahawa saya boleh melaksanakan hak saya untuk meminta akses kepada, meminda, membetulkan atau memadamkan (selepas penebusan semua unit FCPE saya) mana-mana data peribadi saya. Saya juga mengambil maklum bahawa saya berhak untuk meminta sekatan untuk memproses data saya atau untuk membantah pemprosesan, untuk kemudahan data atas kepentingan sah, dan untuk memadam serta komunikasi data peribadi saya selepas kematian saya. Saya boleh melaksanakan hak-hak ini dengan menghubungi L'Oréal – 14 rue Royale – 75008 Paris, or Amundi ESR – Service Contrôle Interne et Conformité – 26956 Valence Cedex 9.

Pegawai perlindungan data peribadi boleh dihubungi di alamat dan nombor telefon di bawah:

- Untuk L'Oréal: [hr-dataprivacy@loreal.com](mailto:hr-dataprivacy@loreal.com); +33(0) 1 47 56 70 00

- Untuk Amundi ESR: [dpo@amundi.com](mailto:dpo@amundi.com); + 33(0) 1 76 33 30 30

Saya memahami bahawa saya mempunyai hak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa penyeliaan Perancis, CNIL, berkenaan dengan perlindungan data peribadi saya, di alamat ini, CNIL – 3, Place de Fontenoy, 75007 Paris atau melalui e-mel di laman web <https://www.cnil.fr>.

Saya mengisytiharkan bahawa saya telah menyimpan satu salinan borang ini untuk rekod peribadi saya.

Tandatangan (didahului oleh pengesahan: "Dibaca dan diluluskan")